

**Kuala Kangsar:** Belas kasih terhadap kucing terbiar membuatkan dua beradik wanita warga emas bukan sahaja sanggup mengutip haiwan itu untuk dibela, malah bersilih ganti memberi makan kepada kucing terbiar berhampiran kawasan Stesen Bas Kuala Kangsar hampir setiap hari.

Masitah Jaafar, 63, serta adiknya, Zaleha Jaafar, 57, yang mengambil upah sebagai penjaga tandas awam di stesen bas itu silih berganti memberi makan kepada haiwan itu khususnya ketika pertukaran waktu kerja di antara mereka berdua termasuk di waktu malam.

"Setiap kali pergi bekerja, saya dan adik saya pasti menyediakan makanan kepada kucing hingga mereka seakan-akan boleh mengemcam kereta yang saya pandu dari jauh lalu datang menghampiri saya untuk me-



**MASITAH** memberi makan kepada kucing terbiar di Stesen Bas Kuala Kangsar.

## Dua beradik pelindung kucing

minta makanan," katanya.

Masitah berkata, memandangkan stesen bas beroperasi sehingga awal pagi, dia dan adiknya sering bersilih ganti waktu kerja yang bermula seawal 6 pagi

sehingga 12 tengah malam.

"Pada sebelah siang, saya ke stesen bas ini untuk memulakan kerja seawal jam 6 pagi dan membawa makanan untuk diberikan kepada kucing itu. Pada sebelah pe-

tang pula ketika bertukar waktu kerja dengan adik, dia membawa makanan daripada rumah," katanya ketika ditemui di premis jajaannya.

Kata ibu kepada tiga anak

**“** HARIAN METRO  
11/01/2017

**Hampir semua pada asalnya kucing terbiar yang berkurap, selain cedera seperti patah kaki dan tangan terkoyak”**

**Masitah**

itu, beliau dan adiknya bukan sahaja memberi makan kepada kucing terbiar di sekitar kawasan berkenaan hampir setiap hari sewaktu pergi dan pulang kerja, malah ada kalanya sudi menerima serahan kucing berpenyakit daripada orang awam untuk dirawat seterusnya dibela.

"Kucing yang kami terima kebanyakannya bukan yang cantik dan berkeadaan elok. Hampir semua pada asalnya kucing terbiar yang berkurap, selain cedera se-

perti patah kaki dan tangan terkoyak.

"Dalam rumah, saya membela 20 ekor. Itu tidak termasuk (kucing) yang dilepaskan di luar rumah yang sering balik untuk makan," katanya.

Ditanya mengenai kos perbelanjaan memberi makan kucing berkenaan, Masitah yang lebih mesra dengan panggilan Mak Tah berkata, dia kebiasaannya membelanjakan beras seberat 10 kilogram bagi kegunaan sebulan.

"Saya selalu sarankan kepada mereka yang membela kucing agar kasi atau mandulkan kucing yang dibela daripada membuang haiwan kesayangan Rasulullah SAW itu jika tidak ingin menjaga anak kucing yang baru lahir. Jangan pula dibuang hingga nasib mereka tidak terbela," katanya.